



## 1042 PENGAMALAN BUDAYA BERHIBUR DALAM KALANGAN MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

HAMZAH BIN OMAR, MUHAMMAD FAIZ MUKMIN BIN ABD MUTALIB,  
MOHD HASBIE AL- SHIDDIEQUE BIN AHMAD, MOHD AZMAL HUZAIMIE BIN  
KAMARUL ZAMAL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### 1. PENDAHULUAN

Pada masa kini, budaya hedonisme yang melampau sememangnya memberikan pengaruh yang cukup besar kepada golongan remaja. Walaupun terdapat kajian berkenaan budaya berhibur yang digariskan dalam Islam Sheikh (Dr. Yusuf al-Qardawi, (2015)), kajian menunjukkan bahawa gejala hedonism yang bebas dan liar menjadi satu fenomena kepada remaja kita kini. telinga adalah nyanyian, namun begitu pada masa kini dengan konsep hiburan semakin meluas dan bercampur-aduk dengan perkara yang melalaikan serta perkara yang diharamkan. (Hj Huzili Hussin; Shuhairimi Abdullah (??);Zarin Bin Ismail (??);Khir khalid (2014))

Kajian yang dilakukan oleh (Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011); ialah berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat yang terlibat dengan masalah sosial terutama ketika masih di bangku sekolah. Oleh itu, kajian berkenaan hendonisme amat perlu dijalankan untuk mendidik masyarakat tentang bahaya hendonisme dalam masyarakat.

### 2. DEFINISI KAJIAN

#### 2.1 Budaya

Menurut Ensiklopedia pengertian budaya yang diambil daripada perkataan Sanskrit *buddayah*, yang merupakan kata jamak bagi perkataan *buddhi*, yang bermaksud budi pekerti atau akal secara amnya membincangkan hal-hal berkaitan budi dan akal manusia.

Menurut Melville J. Herskovits dan Bronislaw Malinowski mengertikan budaya adalah segala sesuatu yang terdapat dalam sesebuah masyarakat mempunyai hubung kait atau boleh ditentukan oleh kebudayaan yang dimiliki masyarakat itu sendiri.

#### 2.2. Hiburan

Definisi hiburan pada masa kini merangkumi satu skop yang amat luas. Lebih-lagi dalam



menyusuri arus globalisasi ini, pelbagai bentuk hiburan baru dicipta. Jika pada zaman dahulu, pemahaman masyarakat tentang hiburan ini adalah agak sempit dengan hanya terhad kepada para bintang filem dan penyanyi sahaja, namun situasi tersebut telah berubah.

### 2.2.3 Hedonisme

*Oxford English Dictionary* mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan. Hedonisme juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu terhadap perbuatan yang baik. Hedonisme menilai kebaikan itu hanya berdasarkan kepada keseronokan semata-mata. Nilai moral dianggap mempunyai sudut persamaan dengan nilai kebaikan yang diperoleh dalam budaya hedonisme ini. Penganut fahaman ini dikenali sebagai hedonisme dan sifat golongan ini yang mementingkan keseronokan disebut sebagai hedonistik.

## 2.3 Hukum – Hukum Hiburan Dalam Islam

### Dalil dari Al-Quran

Firman Allah di dalam Surah al-Jumaah ayat 11:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَرَّةً أَوْ لَهُوًا أَنْفَضُوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِنْ اللَّهُ وَمِنْ  
الرَّزْقِينَ خَيْرٌ وَاللَّهُ أَكْبَرُ التِّجَرَّةُ

Maksudnya: Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan yang baru tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri diatas mimbar- berkhutbah). Katakanlah (Wahai Muhammad: Pahala-balasan) yang ada disisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu, dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki

### Dalil dari Al –Sunnah

a) Daripada Aisyah r.aha katanya: Rasulullah SAW telah masuk (menemui saya), ketika itu dua orang jariah (budak perempuan) sedang menyanyi- nyanyi (memperingati perang) Baath. Baginda (mendengar nyanyian) sambil berbaring ditempat baringku dan dipalingkan mukanya. (Tiba-tiba) masuk Abu Bakar r.a serta mengherdik saya dengan katanya serunai (mizmar) syaitan disisi nabi saw. Rasulullah saw mengadap Abu Bakar seraya berkata: Biarkan mereka menyanyi (tidak mengapa). Apabila keadaan Rasulullah saw agak selesa dan leka, aku mengisyaratkan dengan matakku kepada dua penyanyi tadi maka mereka pun berbenti menyanyi dan keluar (meninggalkan kami)

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### Ijmak

Di zaman ini nyanyian dan hiburan, ada yang telah bercampur baur dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak, samaada persebahannya atau seni katanya. Dari situasi itu, ahli



jawatankuasa Syariah memutuskan sebulat suara untuk meletakkan syarat-syarat berikut untuk mengharuskan nyanyian:

- i. Tujuan penganjuran nyanyian untuk kebaikan
- ii. Berpakaian sopan serta menutup aurat
- iii. Tidak bercampur aduk lelaki perempuan sehingga menimbulkan fitnah dan merangsang kemaksiatan
- iv. Senikata/ lirik bermutu dan tidak bercanggah dengan hukum syarak
- v. Tempat dan gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat Islam dan Hiburan

### 2.3.3 Bentuk – bentuk hiburan Islam dan barat

Dalam agama Islam yang menepati keperluan fitrah manusia, islam tidak menghalang untuk umatnya berhibur, namun hiburan dalam islam perlu disuluh dan dipandu mengikut nilai-nilai yang telah digariskan di dalam Islam.

Pengaruh budaya hedonisme merupakan salah budaya yang semakin menular pada era globalisasi ini khususnya kepada generasi muda'. Hal ini sejajar dengan Firman Allah S.W.T yang menyebut dalam Quran iaitu:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُوا أَلْحَدِيثَ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَخَذَّلَ هُزُورًا  
أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

Mafhumnya : “ Dan ada di antara manusia orang yang memilih serta membelanjakan hartanya pada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan yang berakibat yang menyesatkan (dirinya dan orang ramai ) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan , dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan merekalah orang – orang yang akan beroleh azab yang menghinakan .

(Surah Luqman :6)

Wan Muhammad Ali,(2000) budaya Hedonisme atau dikenali sebagai budaya materialistik yang melampau sememangnya memberikan pengaruh yang cukup besar kepada golongan remaja yang mana amat mudah terpengaruh dan lalai dengan adegan dan cara hidup yang dibawa oleh barat itu sendiri yang telah masuk ke dalam negara Malaysia tanpa kita sedari telah meresap masuk ke dalam kehidupan Mahasiswa pada hari ini.

Kini pada zaman moden, dunia Islam menghadapi pelbagai cabaran pengaruh yang boleh menghancurkan nilai-nilai rohaniah yang terdapat dalam ajaran Islam itu sendiri. Tanpa benteng aqidah yang kuat dan akhlak sebagai pendinding nescaya umat Islam tidak mampu menghadapi serangan musuh dari pelbagai sudut mentaliti ataupun fizikal. Pelbagai bentuk serangan musuh Islam boleh dilihat dengan lahirnya ideologi-ideologi dan aliran falsafah yang berselindung di



bawah modernisme termasuklah perkara hedonisme.

Dalam membincangkan tentang hedonisme, sudah pastilah unsur keseronokan dan kegembiraan merupakan intisari penting dalam aliran tersebut. Manusia dikatakan hidup bahagia apabila mereka mencapai kepuasan, keseronokan dan kegembiraan di tahap yang paling tinggi dan cuba mengelakkan elemen-elemen yang mendatangkan kesedihan dan kemurungan. Bagi mencapai tujuan tersebut, dalam keadaaan yang tertentu manusia perlu bersikap pesimistik dan negatif. Sama ada manusia perlu bersikap positif atau negatif tidak menjadi persoalan, apa yang penting ialah mencapai tahap keseronokan dalam hidup. Justeru itu, tidak menjadi kesalahan sekiranya sesuatu tindak tanduk yang dilakukan dapat membantu seseorang mencapai hasrat dan matlamatnya.

Contohnya, di Barat masyarakatnya bebas melakukan pergaulan seksual (homoseksual dan lesbian). Islam tidak menghalang umatnya untuk mencapai kebahagian dalam hidup. Namun, kecenderungan yang berlebihan kepada kesenangan dan hiburan menjadikan manusia leka dan lalai dengan tipu daya dunia. Budaya sedemikian diibaratkan sebagai menggemukkan jasad tetapi mematikan ruh. Keseronokan yang dikecapai tersebut hanyalah bersifat sementara dan bukannya ketenangan yang hakiki. Sesungguhnya, budaya hedonisme jauh menyimpang dengan ajaran agama Islam yang kaya dengan nilai-nilai murni.

Apa yang jelas budaya tersebut bertentangan dengan akidah Islam kerana aliran tersebut bertuhankan nafsu. Tunjang iman adalah akidah tauhidnya. Allah adalah penghabisan dalam segala tujuan hidup setiap individu Muslim (K.H Tarmizi Taher, 2003).

Hedonisme ialah salah satu sistem moral dalam masyarakat Barat yang meletakkan keseronokan sebagai ukuran bagi semua pekerjaan yang dilakukan dan sudah pastilah seronok itu dalam perkara-perkara yang berkait dengan nafsu. Apabila nafsu tanpa kawalan akal, maka hancurlah akhlak. Perkara ini dapat kita saksikan di tengah masyarakat Barat yang sudah tidak percaya kepada Allah s.w.t. dan hidup mereka berlandaskan pada hawa nafsu.

Sejarah telah membuktikan antara faktor kejatuhan kerajaan Abbasiah adalah berpunca dari sikap pemimpin dan rakyat yang mengutamakan kesenangan, kemewahan dan dibuai dengan pelbagai bentuk hiburan. Mereka gagal menumpukan perhatian kepada soal pembangunan insan dan negara dan akhirnya kelemahan tersebut dapat dikesan oleh musuh menyebabkan empayar yang terbilang tersebut jatuh di pihak lawan. Contoh yang dikemukakan tersebut membuktikan budaya hedonisme dipengaruhi oleh lintasan nafsu yang mendorong kepada perlakuan yang negatif. Islam telah memberi garis panduan yang jelas kepada penganutnya untuk mencapai kebahagiaan yang hakiki. Ajarannya bersifat sejagat dan sempurna dari lompong-lompong kecacatan. Keunikan yang ada pada ajaran tersebut ia bersifat fleksibel pada nilai-nilai yang relevan dengan realiti dan keperluan masyarakat. Akidahnya berasaskan kepada wahyu Ilahi yang berfungsi sebagai kerangka asas pembentukan peradaban manusia. Gagasan Islam bukanlah kompromi Barat dan Timur, bukanlah penyatuan pelbagai ideologi dan falsafah dunia.



Dr. Abdullah Yusuf Azam (1996) sebaliknya Islam merupakan cerminan kepada peradaban manusia yang hakiki. Oleh yang demikian, petunjuk dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam perlu dijadikan pedoman dan sempadan untuk dipatuhi oleh manusia. Sesungguhnya Iblis dan Syaitan sentiasa mencari jalan untuk menyesatkan manusia. Gambaran ini jelas terungkap dalam Kitab Suci al-Quran al-Karim.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

وَمَا أَحْيَهُ أَلْدُنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهُوَ خَيْرُ الْلَّذِينَ يَتَقَوَّنُونَ ﴿٢﴾

“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir”

(Surah al-An`am: 32)

## 2.4 Garis panduan hiburan dalam Islam

Dalam Islam ianya amat dititikberatkan sehingga meletakkan syarat dan garis panduan tentang perkara ini:

- 1) Hendaklah tayangan yang dipertontonkan itu bersih daripada segala macam hal-hal yang lucu dan yang haram, dan segala yang bertentangan dengan akidah kepercayaan Islam, syariat-syariat dan tatasusila. Adapun cerita-cerita atau kandungan filem yang membangkitkan hawa nafsu yang rendah, ataupun yang mendorong perbuatan dosa, yang menghasut kita akan berbuat perkara jenayah, atau yang menggalakkan penyelewengan hidup atau yang menyebarkan akidah yang salah, dan sebagainya dari hal-hal yang memang sudah diketahui secara umum, maka hukumnya menjadi haram dan tidak halal bagi seorang muslim untuk menontonnya dan menggalakkan orang lain untuk menontonnya.
- 2) Hendaklah penonton kepada filem-filem tersebut tidak akan meremehkan daripada menunaikan kewajipan agama atau kewajipan dunia. Perkara yang utama dalam kewajipan agama adalah dengan menunaikan solat 5 waktu yang mana difardhukan ke atas orang Muslim yang telah difardhukan oleh Allah SWT yang dilaksanakan setiap hari bagi setiap Muslim. Tidak dibolehkan melengah-lengahkan waktu solat dengan hanya semata-mata menonton filem sahaja. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّيْنَ ﴿٦﴾ أَلَّذِيْنَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُوْنَ



“Dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang Ahli Sembahyang”.

(Al – Ma'un: Ayat 4 – 5)

Disini adalah dimaksudkan kelalaian itu dengan melambatkan waktu solat itu hingga habis waktunya. Kerana ianya mengalang daripada mengingati Allah SWT.

3) Hendaklah orang yang mengunjungi datang ke tempat hiburan tersebut mengelakkan diri dari adanya percampuran antara lelaki dan perempuan bagi mengelakkan timbulnya fitnah-fitnah dan menolak daripada berlakunya perkara-perkara yang syubhat, terutama sekali penonton yang boleh mendorong kepada perbuatan zina apabila berada di tempat yang gelap. Hal ini telah disebutkan dalam Hadith Nabi SAW:-

لَأَنْ يُطْعَنَ فِي رَأْسِ أَحَدِكُمْ بِمَخِيطٍ مِّنْ حَدِيدٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْسَّ امْرَأَةً لَا تَحْلُلُ لَهُ.

(رواه البيهقي و الطبراني )

“kalau ditusuk pada kepala salah seorang kamu dengan jarum yang terbuat dari besi adalah lebih baik baginya daripada dia menyentuh seorang perempuan asing yang taiada halal baginya.”

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 2007 yang lalu. Dengan mengambil kira perubahan semasa dalam industri hiburan, penambahbaikan terhadap garis panduan ini telah dilaksanakan agar dapat menepati keperluan semasa yang sejajar dengan kehendak syarak.

Teras dalam penggubalan garis panduan ini didasari oleh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-2 pada 12 dan 13 Mei 1981 seperti yang berikut:

- (a) Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus.
- (b) Jika nyanyian senikatanya tidak baik, lucah, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah maka nyanyian itu adalah haram.
- (c) Pancaragam yang melalaikan hukumnya haram.



(d) Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah;

Menurut Jabatan kemajuan Islam Malaysia sebarang penganjuran program berbentuk hiburan selepas ini tidak dibenarkan mengandungi unsur percampuran antara lelaki dan perempuan dalam kalangan penonton serta tidak membawa kepada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan semasa latihan atau raptai.

Perkara tersebut terkandung dalam garis panduan hiburan dalam Islam edisi kedua yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menerusi laman web rasminya.

Garis panduan baharu itu lebih terperinci berbanding garis panduan terdahulu malah memberi penekanan khusus berhubung panduan penampilan artis dan penganjuran sesebuah program hiburan.

Dalam garis panduan tersebut, Jakim turut menyatakan penganjur juga perlu memastikan program yang diadakan tidak mempunyai unsur ritual, tanda atau simbol yang bertentangan dengan ajaran Islam dan perbuatan yang diharamkan dalam Islam atau perkara yang boleh mendorong kepada keadaan-keadaan tersebut.

Katanya, program tersebut juga tidak boleh membawa kepada kekacauan atau gangguan terhadap ketenteraman awam dan bersifat provokasi yang boleh menimbulkan sikap prejudis atau permusuhan.

“Beberapa rujukan berhubung penampilan seseorang artis juga digariskan antaranya pemakaian artis haruslah sopan dan sentiasa dikekalkan walaupun berada di luar persembahan dan artis perlu berpakaian menutup aurat, kemas dan sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksplorasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

Garis panduan tersebut diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-107. Dalam pada itu, program hiburan juga tidak mengandungi sebarang ucapan, gerak laku dan sebagainya yang tidak mengandungi simbol yang dapat ditafsirkan secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan akidah, syariah dan nilai-nilai Islam. program tidak boleh mengandungi sebarang unsur yang menyentuh sensitiviti mana-mana agama, budaya dan bangsa dan perlu diadakan dalam keadaan yang bersesuaian untuk mengelakkan rasa tidak disenangi oleh orang yang mendengar dan menonton.

Garis panduan itu turut menggariskan plot penceritaan yang bukan realiti dan berasaskan khayalan adalah dibenarkan untuk menyampaikan sesuatu mesej yang baik namun lawak jenaka hendaklah berpada-pada dan tidak melampaui batas sehingga membawa kepada ketawa yang melampau.



### 3. DAPATAN/ANALISIS PENGAMALAN BUDAYA HIBURAN DALAM KALANGAN MAHASISWA

Hasil kajian yang terdapat dalam jadual 3.3 menunjukkan bahawa pengamalan budaya hiburan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menunjukkan min pada tahap tinggi. Bacaan min yang tertinggi adalah pada item para Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) “saya amat menyukai program –program berunsurkan hiburan “Min yang dicatat adalah (min = 4.09 ) dan mewakili (**Std deviation = 0.972**). Seterusnya item yang mencatatkan min terendah ialah bagi item “saya banyak menghabiskan masa 3 jam menonton youtube dan televisyen. Min yang dicatat adalah (min = 2.67) dan mewakili (**Std deviation = 1.114**). Jelaslah disini, Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sering mengamalkan dan mengaplikasikan budaya berhibur dalam kehidupan mereka.

#### JADUAL 3.4

Bil Perkara <b>Deviation</b>		Min	Std
1 Saya sering meluangkan masa lapang saya dengan berhibur bersama kawan-kawan.		3.61	1.042
2 Berhibur adalah sebahagian daripada hobi saya.		3.58	1.051
3 Saya amat menyukai program – program berunsur hiburan.		3.35	0.912
4 Saya amat gemar akan bidang nyanyian		3.07	1.174
5 Saya banyak menghabiskan masa 3 jam dengan menonton televisyen dan youtube		2.67	1.144
6 Saya boleh belajar dengan baik apabila adanya hiburan		2.97	1.135
7 Saya mengikuti trend hiburan pada masa kini		2.87	1.038
8 Saya mempunyai ahli keluarga yang menyukai hiburan		3.08	1.120
9 Saya kerap mengunjungi laman sosial facebook dan Instagram ketika masa lapang		3.89	0.923
10 Saya menyukai perkongsian agama yang berunsurkan		4.09	0.972



hiburan

---

---

### **3.5 HASIL DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian menunjukkan demografi responden iaitu Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) seramai 150 orang. Responden dari kalangan Mahasiswa Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah. Demografi dari segi umur, tahap pendidikan, jantina, tempat tinggal responden, status ibu bapa responden, latar belakang ibu bapa dan bidang pekerjaan ibu bapa. Berdasarkan hasil dapatan saya , kefahaman Mahasiswa paling tertinggi pada item bersama kawan – kawan .

Hiburan ini merupakan sebahagian daripada amalan para Mahasiswa di KUIS. Daripada hasil kajian yang dicatat, purata Mahasiswa yang cukup memahami akan budaya hedonisme melalui soal selidik yang telah disebarluaskan kepada seluruh responden. Mereka amat memahami bahawa Hiburan ini adalah suatu perkara yang menyeronokkan dan sememangnya ramai di kalangan mereka yang sukakan program–program yang berunsurkan hiburan.

Seterusnya, hasil dapatan mengenai pengamalan Mahasiswa terhadap hiburan iaitu pada item 1 iaitu “ saya sering meluangkan masa lapang saya dengan berhibur bersama kawan – kawan dan pada item 9 iaitu “ saya kerap mengunjungi laman sosial seperti facebook dan Instagram ketika masa lapang . Hal ini menunjukkan bahawa antara kegiatan hiburan yang sentiasa dilakukan oleh Mahasiswa KUIS.

## **4. RUMUSAN**

Bab 4 merupakan penutup dan kesimpulan keseluruhan dapatan kajian. Oleh itu, bab ini Memfokuskan perbincangan kepada rumusan hasil kajian, implikasi serta saranan dan Cadangan yang dikemukakan berdasarkan hasil kajian kepada pihak-pihak berkenaan Sebagai penyelesaian terhadap budaya hiburan terhadap Al – Quran dan Al – Sunnah serta sejauh mana kefahaman Mahasiswa terhadap budaya hedonisme di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

### **4.1 RUMUSAN KESELURUHAN KAJIAN**

Budaya hiburan menurut Al – Quran dan Al – Sunnah adalah sebuah tajuk yang sanagt disarankan untuk dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan bagi menyelesaikan beberapa objektif kajian iaitu konsep hiburan terhadap Al-Quran & Al-Sunnah.

Mengenalpasti kefahaman Mahasiswa/Wi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap budaya hedonisme. Menganalisis Amalan hedonisme Mahasiswa terhadap budaya hedonisme di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dengan menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada para Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.



Hasil daripada kajian kertas projek ini, rumusan dapat dibuat mengenai konsep hiburan menurut Al-Quran dan Al-Sunnah di dalam bab 2. Dapat disimpulkan bahawa Islam telah menggariskan beberapa hukum mengenai hiburan bagi memberi panduan kepada Mahasiswa khususnya golongan remaja yang gemar akan hiburan.

Di dalam Islam telah digariskan mengenai apa hiburan yang dilakukan pada zaman Nabi dan pada zaman kini. Disini juga jelas bahawa Islam tidak melarang akan umatnya supaya berhibur kerana antara faktor ianya disyariatkan disebabkan oleh keperluan dan kecenderungan jiwa manusia itu yang memerlukan hiburan, cumanya perlu dipandu agar ianya tidak membawa kepada perkara-perkara yang negatif yang secara jelas ditegah dalam Islam.

Sasaran utama bagi menjawab segala persoalan dan objektif kajian adalah seramai 150 orang yang mana pengkaji membuat penilaian mengenai kefahaman mahasiswa terhadap budaya hedonisme dengan membuat penyelidikan terhadap Mahasiswa dari Jabatan Al-Quran dan Sunnah dengan melakukan 2 alternatif iaitu soal selidik dan *google form data* yang diperolehi ini dianalisis menggunakan perisian “*Statistics Package For The Social Science (SPSS)*” versi 21.0.

Pengkaji mendapati bahawa hasil kajian daripada SPSS yang telah dilakukan terhadap mahasiswa tersebut sememangnya masih kurang memahami budaya disebabkan oleh pengaruh budaya-budaya hiburan yang melampau sehingga menjadikan hiburan sebagai rutin dalam kehidupan mereka terutamanya mahasiswa yang berumur 17 hingga 21 dan 21 hingga 25 tahun. Segelintir daripada mereka telah melakukan perkara yang tidak sopan sewaktu di dalam kuliah seperti memasang talian Facebook dan Whatsapp. Namun, kajian berdasarkan jadual SPSS itu mendapati bahawa kiraann yang tertinggi adalah pada item no. 9, jadual 3.3. Media massa yang digunakan masa kini bukan hanya sebagai hiburan malah ia dijadikan sebagai inisiatif dalam mencari segala maklumat untuk kepentingan mereka seperti mencari tambahan maklumat ataupun kesahihan maklumat untuk pengetahuan mereka. Sekiranya penggunaan media massa ini disalahgunakan maka ia akan menjadi satu sikap yang sama seperti budaya Barat. Oleh itu, mahasiswa perlulah sentiasa dipantau dengan cara yang bijak dalam menggunakan semua jenis media massa.

Hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji dalam jadual 3.4 pada item no. 1 dan 9 menunjukkan segelintir daripada mahasiswa KUIS lebih gemar berhibur bersama rakan-rakan mereka berbanding melakukan perkara yang berfaedah untuk menghabiskan masa yang terluang. Selain itu, mereka kerap menggunakan akaun Facebook dan Instagram untuk memuat naik gambar-gambar, video atau seumpama tengannya sebagai hiburan mereka. Oleh hal yang demikian, perkara seperti ini mestilah diambil tindakan awal sebelum terjerumus dengan budaya yang tidak elok



## 4.2 IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhan,kajian ini telah memberi maklumat kepada masyarakat bahawa Al Quran dan Al Sunnah yang memandu akan masyarakat akan panduan berhibur dalam Islam menerusi amalan nabi ,para sahabat. Antara implikasi yang diambil sepanjang menjalankan kajian ini, Ianya dapat memberikan kefahaman mengenai konsep berhibur dalam Islam serta memberikan sedikit sebanyak pendedahan mengenai budaya hedonism yang mana saling berhubung kait di antara keduanya. Malah, dapat melahirkan rasa syukur terhadap masyarakat kerana dikurniakan sebuah kehidupan yang benar disisi Allah. Selain itu juga, membuatkan diri sendiri bermuhasabah dengan setiap dosa yang telah dilakukan. Moga masyarakat pada hari ini dapat menghindari akan fahaman dan barat seperti Hedonisme, sekularisme dan lain-lain sehingga dapat mempengaruhi minda generasi muda khususnya Mahasiswa di peringkat IPTA/S.

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini didapati bahawa responden memahami kehendak soalan yang diutarakan di dalam soal selidik. Hasil kajian menunjukkan maklum balas yang diberikan oleh responden amat memuaskan. Penjelasan dalam kajian yang dibuat diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam usaha untuk mengetahui kefahaman mahasiswa mengenai budaya hiburan. Malah, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada mahasiswa dalam berhibur. Akhir sekali, pengkaji melihat kerjasama dari pelbagai pihak perlu dilaksanakan dan diselekatakan dalam membentuk generasi muda menjadi manusia yang berakhhlak mulia. Landasan yang perlu dijaga adalah berdasarkan ajaran agama Islam yang sebenar dan dapat dipraktikkan dengan pelbagai inisiatif bersesuaian dengan peredaran zaman.

## BIBLIOGARAFI

### 1. Buku

Dr Yusuf Al – Qardhawi (1995). *Al – Halal Wal Haram Fil – Islam*: Singapura. Pustaka Islamiyah.

Dr Basri Bin Ibrahim (2015). *Isu – isu fiqh semasa Halal dan Haram*. Jilid 2: Selangor,

Al – Hidayah Publication.

### 2. Latihan Ilmiah, Tesis dan Disertasi

Hj Huzili Hussin Dan Shuhairimi Abdullah (2006), *Menangani Penetrasi Budaya Hedonisme Di Kalangan Mahasiswa: Satu Penyelesaian Menurut Perspektif Islam Dan Kaunselling*.Perlis: Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan.

Zulkifli Haji Mohd Yusof (T.T), *Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu*.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohammad Roslan (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi*



*Remaja Terlibat Dalam Masalah Social.* Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Mara.

Mohd Ali Bin Iksan (2010) *Pengaruh Budaya Hedonisme Di Kalangan Pelajar-Pelajar Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zarin Bin Ismail (2015) *Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: Kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mohd Ghazali Md Nor (2007) *Israeliyat Moden : Tumpuan Terhadap Hedonisme* (Latihan Ilmiah, Jabatan al-Quran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Siti Suriani Haji Othman (2006) *Kesan Televisyen Terhadap Identiti Remaja : Satu Tinjauan*. Bicara Media 1, Kolej Universiti Islam Malaysia

Mohammad Raqi bin Mohammad Shapien (2007), *Budaya Hedonisme Dikalangan Remaja islam : Kajian Dikalangan Penghuni Vista Angkasa, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Muhammad Fauzan bin Amir (2005) *Sekularisme : Kesannya Kepada Aktiviti Hiburan Masyarakat Malaysia*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam universiti Malaya

### 3. Sumber Internet

[www.khirkhalid.com/2014/03/gejala hedonisme di malaysia.html](http://www.khirkhalid.com/2014/03/gejala_hedonisme_di_malaysia.html)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (2015) *Garis Panduan Dalam Islam*, Edisi Kedua, Jakim.

<https://ummahonline.wordpress.com/2006/10/16/mengamati-hiburan-masa-kini/>

<https://mazlan66.wordpress.com/2008/07/29/budaya-hedonisme-melalaikan-masyarakat/>

Budaya Hedonisme Jejas Lahir Modal Insan Bermutu. [www.beritaharianonline.com.my](http://www.beritaharianonline.com.my), 4 Sept 2008

<http://islamic.utm.my/bushrah/2015/12/08/hiburan-dalm-islam/>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Budaya>

<http://ulamasedunia.org/2018/02/12/tabiat-hedonisme-menurut-alquran/>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Hedonisme>

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/umat-islam-lalai-dengan-hiburan-melampau-1.32869>

<http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2009/06/25/kementerian-penerangan-kaji-impak-kemasukan-filem-luar-negara>

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jakim-keluar-garis-8232-panduan-hiburan-1.82849>

[https://www.academia.edu/8667228/JURNAL\\_pengaruh\\_hedonisme](https://www.academia.edu/8667228/JURNAL_pengaruh_hedonisme)